

## TA'ZIR DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA

Oleh : Hamidi bin Abdul Ghani\*

### Abstrak

*Ta'zir merupakan salah satu hukuman dalam undang-undang jenayah Islam. Artikel ini menerangkan tentang jenis-jenis kesalahan dan bentuk hukuman ta'zir. Seterusnya ia meninjau sejauh mana pelaksanaannya di dalam undang-undang jenayah di Malaysia.*

*Ta'zir is one of the punishments in the Islamic laws on crimes. This article will explain the crimes committed and the forms of punishment (ta'zir) that are normally carried out. In fact it attempts to ascertain the extent of its implementation under the criminal Laws of Malaysia.*

*التعزير نوع من أنواع العقوبة في الاسلام . وهذه المقالة تتحدث عن جرائم التعزير وعقوباتها ثم تلقت النظر الى مدى تطبيقه في النظم الجنائية الماليزية.*

### Pendahuluan

Islam telah mengajar manusia tentang balasan dosa dan pahala atau syurga dan neraka untuk mencegah mereka dari melakukan kejahatan dan menggalakkan mereka memperbanyakkan kebaikan. Di kalangan manusia, terdapat segelintir yang masih berterusan melakukan kejahatan tanpa menghiraukan balasan akhirat tadi. Justeru itu undang-undang atau hukuman diperlukan untuk menghukum dan mengajar manusia yang degil supaya tidak mengulangi perbuatan jenayah dan juga dapat memberi pengajaran kepada seluruh masyarakat. Hukuman dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah iaitu hudud, qisas, diat dan kaffarah. Bahagian kedua ialah hukuman yang tidak ditetapkan oleh Allah tetapi diserahkan kepada budi bicara pemerintah dan hakim untuk di laksanakan berdasarkan diri pesalah, keseriusan jenayah dan sebagainya. Bahagian ini dinamakan bahagian ta'zir. Perbincangan ini akan difokuskan kepada kesalahan ta'zir sahaja.

---

\* Pensyarah di Jabatan Syariah KIAS

## Definisi

Dari segi bahasa, perkataan ta'zir berasal daripada kata kerja '*azara* yang membawa maksud mencela, memberi pengajaran, menghormati dan menguat<sup>1</sup>.

Mengikut definisi fuqaha' ta'zir ialah hukuman yang tidak ditetapkan kadarnya, wajib dilaksanakan sebagai hak Allah atau hak manusia, di dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had dan kaffarah<sup>2</sup>.

Kesimpulan yang dapat diambil dari definisi tadi ialah:

- i. Asas kesalahan ta'zir ialah melakukan maksiat yang hukumannya tidak ditetapkan oleh syara'
- ii. Kesalahan ta'zir berkaitan dengan pelanggaran hak Allah dan hak manusia
- iii. Penetapan bentuk hukuman ta'zir diserahkan kepada pemerintah atau hakim untuk melaksanakannya berdasarkan kepada keseriusan setiap kesalahan dan diri pesalah agar tercapai matlamat memberi pengajaran, memulihkan dan mencegah.

## Perbezaan Antara Kesalahan Ta'zir Dan Kesalahan-Kesalahan Lain.

Terdapat banyak perbezaan di antara kesalahan ta'zir dengan kesalahan hudud dan qisas. Di antaranya ialah:

- i. Kesalahan hudud dan qisas telah ditentukan kadar hukumannya oleh Syara'. Lantaran itu ia adalah hukuman yang wajib dilaksanakan. Hakim tidak diberi pilihan untuk menukar atau menambah atau mengurangkan kadar yang telah ditetapkan. Sementara dalam kesalahan ta'zir hakim mempunyai kebebasan untuk memilih bentuk kadar hukuman yang sesuai dengan diri pesalah dan kesalahan yang dilakukannya.
- ii. Dalam pelaksanaan hudud dan qisas, kedudukan dan pangkat pesalah tidak diambil kira apabila telah sabit kesalahan dan tidak ada keraguan pada kes itu. Manakala di dalam kesalahan ta'zir kedudukan dan pangkat pesalah diambil kira untuk menentukan hukuman.

- iii. Pembalasan di dalam kesalahan hudud apabila telah diputuskan oleh mahkamah adalah satu kemestian tanpa sebarang pengampunan, pertolongan atau tindakan menggugurkannya atas apa sebab sekalipun. Sementara di dalam pembalasan qisas, pihak pemerintah tidak mempunyai hak memberi ampun kerana hak memberi ampun adalah diberi kepada mangsa yang berhak sahaja. Tetapi di dalam pembalasan ta'zir, pihak berkuasa boleh memberi pengampunan dan pertolongan kepada pesalahnya jika terdapat kebaikan di sebalik pengampunannya itu. Pihak berkuasa diberi pilihan untuk menentukan mana satu yang terbaik antara memberi ampun dan mengenakan hukuman ta'zir.
- iv. Kesalahan hudud dan qisas hanya dapat disabitkan menerusi keterangan para saksi iaitu empat orang saksi lelaki dalam kes zina, dua orang lelaki dalam kes yang tidak melibatkan zina. Saksi wanita tidak diterima untuk mensabitkan kesalahan hudud dan qisas. Tetapi kesalahan ta'zir boleh disabitkan dengan saksi wanita, sumpah, keengganan bersumpah dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan perundangan Islam.
- v. Pembalasan hudud dan qisas tidak boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah yang belum baligh kerana mereka tidak diwajibkan menunaikan hukum-hukum syara'. Tetapi di dalam kesalahan ta'zir, pembalasannya boleh dikenakan ke atas pesalah yang belum baligh kerana ianya adalah sebagai satu pengajaran<sup>1</sup>.

### Asas Kesalahan Ta'zir.

Asas kesalahan ta'zir ialah melakukan perbuatan maksiat. Maksiat yang dimaksudkan ialah meninggalkan perkara-perkara yang diwajibkan oleh syara' seperti tidak mengeluarkan zakat, tidak berpuasa dan bersembahyang atau melakukan perkara yang diharamkan oleh syara' seperti memakan harta riba', rasuah dan pecah amanah. Disyaratkan maksiat itu tidak ada hukuman had atau kaffarah dalam Islam<sup>4</sup>.

Ulama' telah membahagikan maksiat kepada 3 jenis:

- i. Maksiat yang diwajibkan hukuman had iaitu kesalahan hudud, qisas dan diat.
- ii. Maksiat yang hukumannya berbentuk kaffarah seperti kesalahan persetubuhan suami isteri pada siang hari di bulan Ramadhan.

- iii. Maksiat yang tiada hukuman had dan tiada hukuman kaffarah. Sebarang maksiat yang tidak termasuk dalam jenis pertama dan kedua di atas adalah tertakluk kepada kesalahan ta'zir. Jenisnya tidak terhad seperti rasuah, riba, khalwat, makan makanan haram dan lain-lain. Maksiat jenis ini hanya akan dikenakan apa-apa hukuman ta'zir sahaja.<sup>5</sup>

Melakukan perkara-perkara yang makruh dan meninggalkan perkara-perkara yang sunat tidak dianggap melakukan maksiat tetapi pada keadaan tertentu tindakan ta'zir boleh dilakukan oleh pemerintah sekiranya dalam tindakan itu terdapat kebaikan kepada masyarakat. Pada kebiasaannya hukuman yang dikenakan itu bukanlah semata-mata melakukan perbuatan berkenaan tetapi kerana ia dilakukan berulang kali.<sup>6</sup>

Alasan bagi ulama yang membenarkan tindakan ini ialah berdasarkan perbuatan Saiyidina Umar mengenakan ta'zir kepada seorang lelaki yang melakukan perbuatan makruh iaitu menajamkan pisau di hadapan seekor kambing yang sudah direbahkan untuk disembelih.<sup>7</sup>

Tindakan ta'zir juga boleh diambil terhadap perbuatan yang tidak ada kaitan dengan melakukan perkara-perkara yang makruh atau meninggalkan perkara-perkara sunat, tetapi kepentingan awam memerlukan tindakan itu dikenakan.<sup>8</sup>

Alasan bagi pelaksanaan ta'zir ini ialah perbuatan Rasulullah S.A.W menahan seorang lelaki kerana dituduh mencuri. Tindakan Rasulullah itu adalah sebagai ta'zir ke atas lelaki berkenaan, berasaskan tindakan yang dibuat dengan tujuan supaya dia tidak lari. Jadi, asas hukuman ta'zir dalam tindakan itu adalah untuk menjaga kepentingan awam bukan kerana maksiat yang dilakukan.<sup>9</sup> Contoh bagi ta'zir untuk kepentingan awam ini ialah seperti menghukum kanak-kanak yang tidak mengerjakan sembahyang atau mencuri. Walaupun meninggalkan sembahyang atau mencuri bagi kanak-kanak yang belum mumaiyiz bukanlah satu kesalahan Syara' kerana mereka belum ditaklifkan lagi, namun mereka boleh dikenakan hukuman ta'zir bagi menjaga kepentingan awam.<sup>10</sup>

### **Jenis-Jenis Maksiat Yang Boleh Dikenakan Hukuman Ta'zir.**

Maksiat yang boleh dikenakan hukuman ta'zir terbahagi kepada tiga jenis:

- i. Maksiat yang mempunyai hukuman yang ditetapkan oleh Syara' tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tidak cukup syarat

pelaksanaannya. Contohnya ialah mencuri barang yang tidak mencukupi hisab.

- ii. Maksiat yang mempunyai hukuman yang ditetapkan oleh Syara' tetapi tidak boleh dijalankan hukumannya kerana ada syubhah. Contohnya ialah mencuri harta perkongsian.
- iii. Maksiat yang tidak ada peruntukan hukuman Syara'. Maksiat jenis inilah yang paling banyak bilangannya. Syara' hanya menyebut sebahagian kecil sahaja dari kesalahan-kesalahan ta'zir itu yang merupakan kesalahan-kesalahan sepanjang masa dan dalam setiap keadaan seperti makan harta riba, pecah amanah dan rasuah. Selain dari kesalahan itu, Syara' memberi kuasa kepada pemerintah untuk menentukan sendiri jenis kesalahan yang dikira sebagai kesalahan ta'zir. Penentuan ini mestilah berasaskan kepentingan awam dan tidak bertentangan dengan nas-nas serta dasar-dasar umum Syara'<sup>11</sup>.

Dari penjelasan di atas dapat dibahagikan sebab yang boleh dikenakan ta'zir kepada empat bahagian:

- i. Ta'zir kerana melakukan maksiat
- ii. Ta'zir kerana melakukan perbuatan dan tinggalkan yang tidak sepatutnya.
- iii. Ta'zir kerana kepentingan awam
- iv. Ta'zir sebagai hukuman tambahan kepada hukuman yang telah ditetapkan

### **Kesalahan Ta'zir Kerana Menceroboh Hak Allah Dan Hak Manusia**

Hak Allah ialah hak yang memberi manfaat kepada orang ramai serta menjauhkan mudarat daripada mereka. Boleh dikatakan hak Allah ini adalah hak yang menyentuh masyarakat. Sementara hak manusia pula ialah hak yang menyentuh kepentingan individu tertentu atau hak peribadi<sup>12</sup>.

Ulama' telah membahagikan kesalahan ta'zir yang berkaitan dengan hak Allah dan hak manusia kepada empat bahagian:

- i. Hak Allah seratus peratus atau sepenuhnya
- ii. Hak Allah dan hak manusia secara berkongsi tetapi hak Allah lebih dominan
- iii. Hak manusia seratus peratus atau sepenuhnya

- iv. Hak manusia dan hak Allah secara berkongsi tetapi hak manusia lebih dominan<sup>13</sup>.

Di sini akan diterangkan satu persatu contoh setiap bahagian di atas:

Contoh hak Allah sepenuhnya ialah kesalahan meninggalkan sembahyang dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan. Contoh hak berkongsi tetapi hak Allah lebih dominan ialah seperti kesalahan berkhawat dengan isteri orang. Walaupun khawat merupakan perkara buruk kepada masyarakat secara umum, namun pada masa yang sama ia juga menyentuh kepentingan individu secara khusus iaitu suami wanita yang berkhawat.

Contoh bagi kesalahan ta'zir yang menjadi hak manusia sepenuhnya ialah perbuatan kanak-kanak mencela orang dewasa. Perbuatan kanak-kanak itu tidak dianggap kesalahan oleh Allah kerana dia tidak bertanggungjawab (ditaklif) menunaikan hak-hak Allah. Dalam kes ini, orang dewasa yang telah dicela itu mempunyai hak sepenuhnya untuk mengambil tindakan. Contoh yang terakhir sekali ialah hak berkongsi tetapi hak manusia lebih dominan iaitu kesalahan-kesalahan seperti mengumpat dan memaki. Walaupun kes ini ada menyentuh hak Allah yang melarang manusia dari menyakiti orang lain, namun pada masa yang sama ia juga menyentuh kehormatan dan maruah orang yang diumpat dan dimaki secara khusus. Dalam kes ini hak individu yang terlibat adalah lebih dominan<sup>14</sup>.

### **Cara Untuk Mensabitkan Kesalahan Ta'zir**

Oleh kerana kesalahan ta'zir tidak seberat kesalahan hudud, maka cara untuk mensabitkan kesalahan ta'zir tidaklah seketat atau setinggi tahap pembuktian kesalahan hudud. Tahap pembuktian yang diperlukan untuk menjatuhkan hukuman ta'zir ke atas seseorang hanya memadai dengan sangkaan berat (ghalabah-zan). Antara cara yang disebut oleh ulama ialah:

- i. Pengakuan pesalah
- ii. Keterangan para saksi
- iii. Keengganan bersumpah
- iv. Maklumat hakim
- v. Kesaksian saksi-saksi wanita bersama saksi-saksi lelaki
- vi. Kesaksian seseorang berdasarkan kepada kesaksian saksi lain
- vii. Surat seorang kadi kepada kadi yang lain<sup>15</sup>.

### **Garis Panduan Pelaksanaan Hukuman Ta'zir**

Walaupun syara' memberi kebebasan kepada pemerintah untuk mengenakan hukuman ta'zir namun pelaksanaannya mestilah tertakluk kepada beberapa syarat. Syarat-syarat ini adalah bertujuan untuk mengelakkan kemungkinan berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah demi kepentingan diri sendiri. Antara syarat yang disebut oleh ulama' ialah:

- i. Pelaksanaannya bertujuan untuk melindungi kepentingan awam dan bukannya kerana kepentingan nafsu pemerintah atau pihak tertentu.
- ii. Kesan terhadap pelaksanaan tersebut dapat menolak keburukan atau mengurangkannya tanpa membawa apa-apa kemudaratan kepada masyarakat dan tidak pula mengandungi unsur-unsur penghinaan terhadap kemuliaan ataupun kehormatan manusia.
- iii. Kadar hukuman haruslah munasabah dan bersesuaian dengan taraf jenayah yang berlaku dan diri pesalah tanpa keterlaluan dalam pelaksanaannya dan tanpa memandang rendah kedudukan kesalahan dan pesalah yang berkenaan.
- iv. Pelaksanaannya dilakukan secara adil dan saksama di antara semua pesalah yang terlibat. Persamaan adalah satu kemestian pada satu undang-undang yang adil. Oleh itu, suatu hukuman tidak boleh dijalankan kepada satu pihak sedang hukuman yang berlainan kepada pihak yang lain. Hal ini adalah satu perbezaan yang zalim kerana manusia di hadapan undang-undang adalah sama<sup>16</sup>.

### **Bentuk Hukuman Ta'zir**

Di sini akan dibincangkan bentuk hukuman ta'zir yang biasa dijalankan. Walau bagaimanapun, bukan bentuk hukuman ini sahaja yang boleh dijatuhkan sebagai ta'zir. Malah apa sahaja hukuman yang boleh menolong mencapai matlamat ta'zir iaitu mencegah melakukan jenayah seterusnya memulihkan akhlak pesalah, boleh digunakan selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip umum syariah<sup>17</sup>.

## Hukuman Mati

Kaedah asal dalam hukuman ta'zir adalah untuk memberi pengajaran yang tidak boleh membawa kemusnahan atau kematian<sup>18</sup>, namun sebahagian besar ulama' memberi pengecualian dengan membenarkan hukuman mati sebagai hukuman ta'zir.

Hampir semua teks perundangan Islam menyatakan keizinan hukuman ta'zir dengan hukuman mati. Antara contoh pesalah boleh dikenakan hukuman mati ialah kaki homoseksual, pengintip yang mengintip bagi pihak musuh, penyebar ajaran sesat atau amalan-amalan yang memecahbelahkan masyarakat dan pesalah yang berterusan melakukan hukuman jenayah setelah dikenakan hukuman hudud<sup>19</sup>.

Selain teks fiqh klasik yang memperuntukkan hukuman mati, ulama' masa kini juga tidak ketinggalan menggubal undang-undang yang membolehkan hukuman mati ini dikenakan ke atas pender dadah<sup>20</sup>.

Dalil bagi pandangan ulama' tadi adalah hadith-hadith Nabi s.a.w, antaranya ialah hadith riwayat Muslim yang bermaksud: *"Sesiapa yang datang kepada kamu semua untuk memecahbelahkan perpaduan kamu ketika kamu bersatu di bawah seorang ketua, maka bunuhlah dia."*<sup>21</sup>

## Hukuman Sebat

Dalil hukuman sebat sebagaimana berikut:

Hukuman sebat pada kesalahan-kesalahan ta'zir telah disyariatkan dalam al-Quran, hadith dan ijma'. Antara nas-nas mengenai hukuman ini ialah firman Allah yang bermaksud:

*"Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkan diri dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka."*<sup>22</sup>

Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Burdah bahawa dia pernah mendengar Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: "Tidak boleh merotan seseorang lebih dari sepuluh kali sebatan kecuali pada kesalahan-kesalahan hudud"<sup>23</sup>. Berdasarkan dalil-dalil yang kuat tentang hukuman sebat, maka Khulafa al-Rasyidin menganggap bahawa merotan boleh dilaksanakan sebagai salah satu dari bentuk hukuman ta'zir seperti yang telah dihukukan oleh Saiyidina 'Ali yang merotan orang Habsyi yang meminum arak di bulan Ramadhan sebanyak 100 kali, dari jumlah sebatan itu, 80 kali adalah kerana

perbuatan meminum arak dan 20 kali pula adalah kerana tidak puasa di bulan Ramadhan<sup>24</sup>.

Oleh kerana tindakan Saiyidina 'Ali itu tidak di bantah oleh sahabat yang lain, maka ia menjadi ijma' dalam pensyariatan hukuman sebat dalam kes ta'zir<sup>25</sup>.

### **Bilangan Sebatan Maksimum Dan Minimum Bagi Hukuman Ta'zir**

Walaupun para fuqaha' bersepakat menerima hukuman sebat sebagai hukuman ta'zir, namun mereka berselisih pendapat tentang bilangan sebatan maksimum yang dibenarkan dalam kes ta'zir. Pandangan ulama' ini terbahagi kepada dua pandangan:

- i. Pendapat mazhab Maliki yang membenarkan pihak hakim atau pemerintah mengenakan hukuman sebatan yang melebihi sebatan dalam kes hudud berdasarkan kepentingan awam dan keseriusan jenayah<sup>26</sup>. Hujjah bagi pendapat tadi ialah perbuatan Saiyidina Umar menyebat Ma'an Ibn Zaidah sebanyak 300 kali sebatan kerana mengambil harta dari Baitulmal dengan cara memalsukan cop mohornya<sup>27</sup>.

Tindakan Saiyidina Umar ini tidak di bantah oleh sahabat yang lain, maka ia menjadi ijma'<sup>28</sup>.

- ii. Pandangan dari mazhab Hanafi, Shafie dan riwayat dari Imam Ahmad yang tidak membenarkan hakim atau pemerintah mengenakan hukuman sebat dalam kes ta'zir melebihi hukuman sebat dalam kes hudud, kerana pada kebiasaannya hukuman yang telah di tetap dikenakan mengikut keseriusan jenayah dan kerosakannya lebih banyak dari yang tidak ditetapkan.<sup>29</sup>

Hujjah bagi mazhab ini hadith Nabi s.a.w yang bermaksud: "*Sesiapa yang melampaui batas hukuman hudud dalam kes bukan hudud, maka dia dianggap sebagai orang yang melampau*".<sup>30</sup>

Walaupun pandangan ini melarang dikenakan sebat dalam kes ta'zir melebihi sebatan dalam kes hudud namun mereka tidak bersepakat tentang bilangan sebatan maksimum yang diizinkan. Perselisihan ini terbahagi kepada enam pendapat:-

- i) Bilangan sebatan maksimum sebanyak 39 sebatan kerana 40 sebatan adalah bilangan sebatan maksimum dalam kes hamba meminum arak atau menuduh zina. Pandangan ini dikemukakan oleh Abu Hanifah dan Muhammad bin Al-Hassan. Mereka berhujjah bahawa hudud juga meliputi hamba dan had minimum bilangan sebatan hamba dalam kes hudud ialah sebanyak 40 kali, maka sebatan dalam kes ta'zir mestilah kurang dari had tadi, sesiapa yang mengenakan sebatan yang lebih dari had tersebut dikira penceroboh seperti dalam hadith tadi<sup>31</sup>.
- ii) Bilangan sebatan maksimum sebanyak 75 sebatan. Pandangan ini dilontarkan oleh Abu Yusuf yang bermazhab Hanafi. Beliau berhujjah untuk menentukan bilangan sebatan maksimum dalam kes ta'zir yang perlu dikira ialah had minimum bilangan sebatan orang merdeka dalam kes hudud kerana ia adalah asal dan sempurna, sementara hamba adalah separuh orang merdeka. Oleh kerana had minimum bilangan sebatan orang merdeka dalam kes hudud adalah 80 sebatan, maka dalam kes ta'zir ia mestilah kurang dari itu sama ada 79 sebatan atau 75 sebatan sebagaimana athar Saiyidina Ali r.a.<sup>32</sup>
- iii) Bilangan sebatan maksimum sebanyak 39 sebatan ke atas orang merdeka dan 19 sebatan ke atas hamba. Pendapat ini adalah pendapat yang paling sah dalam mazhab Shafie kerana had minimum bilangan sebatan orang merdeka dalam kes hudud adalah 40 sebatan sementara hamba 20 sebatan<sup>33</sup>.
- iv) Bilangan sebatan maksimum sebanyak 10 kali sahaja Satu qaul dalam mazhab Shafie dan riwayat Imam Ahmad. Hujjah mereka ialah hadith nabi s.a.w yang bermaksud:  
  
*"Tidak boleh merotan seseorang lebih dari sepuluh kali sebatan kecuali pada kesalahan-kesalahan yang menyentuh hudud Allah."*<sup>34</sup>
- v) Bilangan sebatan maksimum adalah berdasarkan jenis jenayah yang dilakukan. Sekiranya kesalahan itu dari kes hudud seperti zina maka hukumannya tidak boleh lebih dari 99 sebatan tetapi kalau kesalahan itu bukan dari kes hudud maka sebatan boleh dikenakan melebihi had yang telah ditetapkan. Ini adalah pandangan dalam mazhab Shafie dan mazhab Hanbali.<sup>35</sup>

Hujjah mereka adalah hadith riwayat al-Nu'man Ibn Bashir bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengenakan sebatan sebanyak seratus kali ke atas orang yang menyetubuhi hamba perempuan isterinya dengan kebenarannya.<sup>36</sup>

Hukuman sebatan sebanyak seratus kali ini bukan hukuman hudud zina tetapi adalah hukuman ta'zir. Hukuman hudud yang sepatutnya bagi orang berkenaan ialah direjam sampai mati kerana dia telah berkahwin. Hujah yang kedua ialah athar Saiyidina Umar yang mengenakan 99 kali sebatan ke atas orang yang menyetubuhi hamba perempuan yang dikongsi bersama dengan orang lain.<sup>37</sup>

Hukuman hudud yang sepatutnya bagi orang berkenaan ialah 100 kali sebatan kerana dia belum berkahwin. Untuk menjadikan ia sebagai sebatan dalam kes ta'zir, Saiyidina Umar telah mengurangkannya sebanyak satu sebatan. Tindakan ini membuktikan bahawa sebatan ta'zir adalah berdasarkan jenis jenayah yang dilakukan.

- vi) Bilangan sebatan maksimum tidak boleh lebih dari 10 sebatan kecuali dalam kes yang ada nasnya seperti dalam hadith dan athar tadi. Pandangan ini dikemukakan oleh mazhab Hanbali.<sup>38</sup> Mereka berpegang dengan hadith sahih yang melarang mengenakan sebatan lebih dari sepuluh kali dan hadith dan athar di atas.

Dalam hal ini, penulis berpandangan bahawa bilangan sebatan dalam kes ta'zir tidak ditetapkan dan ia diserahkan kepada budi bicara pemerintah atau hakim untuk menentukannya walaupun melebihi bilangan sebatan dalam kes hudud. Yang perlu diambil kira oleh hakim ialah bahawa bilangan sebatan itu dapat mencegah penjenayah dari mengulangi perbuatan jahat. Tetapi pada kebiasaannya kesalahan hudud yang tidak dapat dijalankan kerana sebab-sebab tertentu tidak akan dikenakan sebat melebihi kadar bilangan hudud itu. Antara alasan pandangan tadi ialah tidak ada nas yang sahih kecuali satu sahaja yang melarang ditambah bilangan sebatan melebihi dari bilangan sebatan dalam kes hudud.<sup>39</sup>

Walau bagaimanapun maksud hudud Allah dalam hadith itu ialah semua maksiat atau perbuatan yang diharamkan oleh Allah bukan bermaksud undang-undang hudud. Apabila kita membaca al-Quran, kita akan bertemu dengan ayat-ayat yang melarang melampau dan menghampiri hudud Allah.<sup>40</sup>

Yang dimaksudkan dengan hudud Allah ini ialah pemisahan antara yang haram dan yang halal.

Ibnu Taymiyyah dan Ibnu al-Qayyim berpendapat bahawa maksud hudud Allah dalam hadith di atas ialah memberi pengajaran kepada perbuatan yang bukan maksiat seperti seorang ayah memberi disiplin kepada anaknya, dia tidak boleh merotan melebihi dari 10 kali sebatan.<sup>41</sup>

Yang menguatkan hujjah bahawa hudud Allah dalam hadith tadi bukan undang-undang hudud ialah perbuatan sahabat melaksanakan hukuman sebat dalam kes ta'zir melebihi bilangan sebatan kes hudud seperti perbuatan Saiyidina Umar.

Mengenai bilangan sebatan minimum yang boleh dikenakan ke atas pesalah dalam kes ta'zir pula, sesetengah fuqaha menetapkan sebanyak tiga kali sebatan. Namun menurut pendapat lain yang lebih kuat bahawa tidak ada bilangan minimum yang ditetapkan dalam kes ta'zir kerana kesan pencegahan biasanya berbeza antara seseorang dengan seorang yang lain.<sup>42</sup>

### Hukuman Penjara

Dalam bahasa Arab penjara disebut al-Habs atau al-Sijn yang bererti tahanan atau kurungan.<sup>43</sup> Menurut pandangan ulama' hukuman penjara bermaksud mengurung dan melarang seseorang dari melakukan sesuatu.<sup>44</sup>

Ulama' telah sepakat menerima penjara sebagai bentuk hukuman ta'zir. Alasan penerimaan mereka ialah:

- 1) Firman Allah yang bermaksud "*Maka kurunglah mereka itu (wanita) di dalam rumah sehingga mereka menemui ajal mereka atau Allah memberi jalan lain kepada mereka.*"<sup>45</sup>
- 2) Hadith yang menceritakan bahawa Nabi s.a.w. pernah menahan seorang lelaki yang dituduh melakukan kesalahan selama satu jam pada siang hari dan kemudian membebaskannya.<sup>46</sup>
- 3) Amalan Khulafa al-Rasyidin seperti Umar dan 'Ali yang membina penjara. Umar telah memperuntukkan wang sebanyak 4000 dirham untuk membeli sebuah rumah dari Safwan Ibn Umayyah untuk dijadikan penjara. Sementara 'Ali pula telah membina di Kufah penjara yang dikenali sebagai "Nafi" dan sebuah lagi dinamakan "Makhis".<sup>47</sup>

### Tempoh Hukuman Penjara

Tidak ada perselisihan pendapat di kalangan ulama' tentang tempoh minimum hukuman penjara dalam kes ta'zir kerana ia akan diserahkan kepada budi bicara hakim. Perselisihan berlaku tentang tempoh maksimum hukuman penjara ta'zir. Pandangan ulama' dalam hal ini terbahagi kepada dua pandangan:

- 1) Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali tidak menetapkan tempoh maksimum bagi hukuman penjara ta'zir. Ia diserahkan kepada budi bicara hakim untuk menentukannya. Jika perlu hakim boleh mengenakan tempoh penjara yang melebihi tempoh penjara dalam kes hudud. Mereka berhujah bahawa matlamat ta'zir ialah memulihkan pesalah. Tempoh pemulihan ini berbeza antara sesama penjenayah. Ada penjenayah yang boleh dipulihkan dalam tempoh yang singkat, sementara yang lain perlu kepada tempoh yang lama untuk dipulihkan. Dalam hal ini pihak hakim yang lebih memahami persekitaran kejadian jenayah dan mengenali keperibadian penjenayah.<sup>48</sup>
- 2) Mazhab Shafie berpendapat bahawa hakim boleh mengenakan tempoh hukuman penjara mengikut pertimbangannya tetapi tidak boleh melebihi tempoh penjara dalam kes hudud.<sup>49</sup> Hujjah mereka ialah hadith Al-Nu'man yang bermaksud: "*Sesiapa yang melampaui batas hukuman hudud dalam kes bukan hudud, maka dia dianggap sebagai orang yang melampau.*"<sup>50</sup>

Dalam hal ini, penulis bersetuju bahawa hukuman penjara ta'zir tidak boleh dibataskan tempohnya. Alasannya ialah tidak ada nas yang sahih melarang mengenakan tempoh penjara ta'zir melebihi tempoh penjara hudud. Sementara hadith al-Nu'man tadi adalah hadith mursal. Imam Shafie tidak berhujjah dengan hadith mursal kecuali disokong dengan hadith lain. Dalam hal ini tidak ada hadith lain yang menyokong hadith itu.

Dari segi logik pula, matlamat penjara adalah untuk memberi pengajaran dan memulihkan penjenayah. Pemulihan ini tidak dapat dikesan kecuali melalui tanda-tanda taubat dan penyesalannya. Kemunculan tanda penyesalan ini tidak boleh ditetapkan tempohnya. Kemungkinan ada orang yang boleh bertaubat dengan segera apabila dipenjarakan dan ada orang yang berterusan tidak bertaubat sepanjang hayatnya. Persoalan yang perlu dilihat dalam

masalah sekejap atau lama tempoh penjara ialah sejauh mana penyesalan dan taubat yang ditunjukkan oleh banduan semasa dihukum penjara.

### Hukuman Ta'zir Dengan Harta Benda

Para fuqaha' berselisih pendapat tentang keharusan hukum ini dalam Islam. Pendapat mereka terbahagi kepada dua-

- 1) Pandangan yang dikemukakan oleh Abu Hanifah, Muhammad Al-Hassan, golongan Malikiah, Qaul jadid bagi Imam Shafie dan riwayat golongan Hanabilah mengatakan bahawa hukuman ta'zir dengan harta tidak terdapat dalam Syara' kerana tidak pernah diceritakan tentang orang yang menjadi ikutan melakukannya. Jika hukuman ini dibenarkan, ia akan memberi ruang kepada pemerintah yang zalim mengambil dan memakan harta orang ramai dengan cara yang tidak betul. Selain itu tujuan ta'zir adalah untuk mendidik, maka pendidikan yang sebenar bukan dengan cara memusnahkan harta. Hukuman ini pernah disahkan pada permulaan zaman Islam tetapi kemudian ditarik balik (dimansuhkan).<sup>51</sup> Antara alasan yang dipakai oleh golongan ini ialah bahawa hukum ta'zir dengan harta benda tidak ada pertukaran barang. Ini menjadikannya termasuk memakan harta orang lain dengan secara batil sebagaimana firman Allah yang bermaksud: *"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu."*<sup>52</sup>

Begitu juga hukuman ta'zir dengan harta benda adalah pencerobohan terhadap harta orang lain, maka ia tidak dibenarkan. Larangan ini terdapat dalam khutbah Nabi s.a.w. pada hari Haji Perpisahan<sup>53</sup>.

Selain itu, ijma' juga telah berlaku melarang mengambil harta sebagai hukuman ta'zir.<sup>54</sup>

- 2) Pendapat kedua dikemukakan oleh Abu Yusuf, Qaul Masyhur dalam mazhab Malikiah, Qaul Qadim dalam mazhab Shafie dan setengah golongan Hanabilah seperti Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim.<sup>55</sup> Mereka mengharuskan mengambil dan memusnahkan harta benda sebagai hukuman ta'zir. Antara alasan mereka ialah Nabi Muhammad s.a.w telah memerintah supaya dipecahkan periuk - periuk yang digunakan untuk memasak daging unta jinak.<sup>56</sup> Perintah supaya dipecahkan periuk-periuk itu adalah bukti dibolehkan hukuman ta'zir dengan harta benda.

Hujah kedua pula ialah bahawa Nabi s.a.w pernah berazam untuk membakar rumah sahabat yang tidak menunaikan sembahyang jemaah di masjid.<sup>57</sup> Keazaman untuk membakar rumah adalah bukti dibenarkan ta'zir dengan harta benda. Azam Nabi s.a.w hanya pada perkara-perkara yang dibenarkan dalam Islam.

Selain itu perbuatan Saiyidina Umar membakar istana Sa'ad bin Abi Waqqas yang menghalang rakyat dari mendekatinya jelas menunjukkan kesahihan hukuman ini.<sup>58</sup>

Penulis bersetuju dengan pandangan yang membolehkan hukuman ta'zir dengan harta benda sama ada diambil atau dimusnahkan apabila hakim membuat pertimbangan mengikut ijtihadnya dan dengan syarat hukuman ini memberi kebaikan kepada masyarakat umum. Ibn Qayyim semasa mempertahankan hukuman ta'zir dengan harta mengatakan bahawa tidak berlaku ijma' berkaitan dengan pemansuhan hukuman ini. Beliau telah menyenaraikan bukti yang diperoleh daripada amalan Nabi S.A.W. dan para sahabat untuk menguatkan hujahnya.<sup>59</sup>

### Hukuman Ta'zir Dengan Celaan Rasmi

Para fuqaha' sepakat menerima hukuman ta'zir dengan celaan secara rasmi. Walau bagaimanapun mereka tidak menetapkan kata-kata atau perbuatan-perbuatan tertentu sebagai cara mencela, malah celaan boleh dibuat dalam bentuk kata-kata atau perbuatan yang difikirkan cukup oleh pihak hakim untuk menginsafkan pesalah. Mungkin ada di kalangan masyarakat, pesalah yang akan insaf apabila hakim hanya berkata kepadanya "*Bahawa telah sampai kepada pengetahuan aku bahawa kamu telah melakukan perbuatan jahat ini*". Walaupun hakim dibenarkan mencela pesalah tetapi celaan itu bukan satu tuduhan fitnah atau maki hamun.<sup>60</sup> Antara alasan yang diberikan oleh ulama' tentang keharusan hukuman ini ialah hadith Abu Zar yang bermaksud: Katanya: "*Aku telah memaki seseorang lelaki dengan mengungkit nama ibunya*". Maka lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Wahai Abu Zar! Engkau telah mengungkit nama ibunya, sesungguhnya engkau ini seorang yang masih lagi mempunyai sifat jahiliyah*." <sup>61</sup>

### Hukuman Ta'zir Dengan Cara Buang Daerah

Ulama' sepakat menerima hukuman buang daerah sebagai hukuman ta'zir apabila pesalah mengulangi kesalahannya dan cuba menarik orang lain

melakukannya serta membahayakan orang lain<sup>62</sup>. Antara alasan yang dikemukakan oleh ulama' untuk menyokong hukuman ini ialah hadith yang menceritakan bahawa Nabi s.a.w telah mengusir orang perempuan yang menyerupai lelaki dan sebaliknya serta mereka telah dibuang daerah di suatu tempat yang bernama "al-Naqi"<sup>63</sup>.

Sementara perbuatan Saiyidina Umar telah membuang daerah Sabigh Ibn Asal dan Nasr Ibn Hajaj ke Basrah tidak di bantah oleh sahabat yang lain yang menjadikan tindakan ini sebagai ijma'<sup>64</sup>.

Setelah ulama' sepakat menerima hukuman ini sebagai hukuman ta'zir, mereka berselisih pendapat tentang tempoh buang daerah yang dibenarkan. Perbezaan ini terbahagi kepada dua kumpulan iaitu:

- 1) Mazhab Hanafiah dan Malikiah mengatakan bahawa tidak terdapat tempoh tertentu bagi hukuman ini, kerana ia terserah kepada budi bicara hakim yang akan melihat kepada kebaikan dan kepentingan tempoh berkenaan.<sup>65</sup>

Hujjah mereka ialah keumuman hadith dan athar tentang hukuman daerah dalam kes ta'zir tidak pernah menyebut tentang tempoh tertentu. Ini membuktikan bahawa tempoh itu diserahkan kepada kebijaksanaan hakim untuk menentukannya.

Sementara matlamat hukuman ini ialah mendidik pesalah dan mencegah manusia memperkatakan tentang perbuatan jahatnya. Apabila ternyata bahawa pesalah telah insaf, mereka perlu dipanggil pulang dari tempat buangan daerah.

- 2) Pendapat kedua ialah mazhab Shafie dan mazhab Hanabilah yang mengatakan bahawa hukuman buang daerah dalam kes ta'zir mesti kurang dari setahun jika pesalah itu seorang merdeka. Manakala jika pesalah itu seorang hamba mestilah kurang dari setengah tahun.<sup>66</sup> Alasannya ialah tidak boleh disamakan antara hukuman buang daerah dalam kes ta'zir dengan hukum buang daerah dalam kes hudud. Ini berdasarkan hadith al-Nu'man yang lepas.<sup>67</sup>

Penulis bersetuju menerima pendapat pertama kerana menentukan tempoh buang daerah perlu kepada dalil dan tidak dalil yang kuat dalam hal ini. Yang ada hanya hadith mursal. Imam Al-Shafie tidak menjadi hadith mursal sebagai hujah kecuali kalau disokong oleh hadith lain. Dalam hal ini tidak ada hadith lain yang menyokongnya. Apabila tidak ada dalil secara khusus, kita boleh berhujah dengan keumuman hadith yang tidak menetapkan

tempoh tertentu. Dari segi matlamat buang daerah pula ialah untuk menginsafkan pesalah. Keinsafannya tidak boleh dikenal kecuali apabila muncul tanda-tanda taubat. Dan munculnya tanda-tanda ini tidak boleh ditetapkan tempohnya. Kemungkinan ada golongan penjenayah yang boleh bertaubat dengan segera apabila dibuang daerah dan golongan yang lain pula berterusan tidak bertaubat sepanjang tempoh dibuang daerah.

### Hukuman Ta'zir Dengan Pemulauan

Hukuman pemulauan ini disyariatkan dalam firman Allah yang bermaksud: *"Nasihati mereka (perempuan yang derhaka terhadap suami) dan jaubilah mereka di tempat tidur."*<sup>68</sup>

Selain dari ayat tadi, Rasulullah s.a.w pernah mempraktikkan hukuman ini kepada tiga orang yang tidak menyertai peperangan Tabuk iaitu Kaab ibn Malik, Mirarah ibn Rabi'ah al-Amiri dan Hilal Ibn Umayyah.<sup>69</sup> Saiyidina Umar pula pernah melaksanakan hukuman ini kepada Dhabī' Ibn 'Asal yang selalu bertanya tentang perkataan-perkataan yang susah dalam Al-Quran dan menyuruh orang ramai memahami perkara-perkara yang mengelirukan dalam Al-Quran.<sup>70</sup> Penulis berpendapat pemulauan sebagai hukuman ta'zir dapat dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan khulafa' Al-Rasyidin kerana para sahabat terlalu patuh kepada perintah mereka. Tetapi pemulauan pada zaman ini tidaklah praktik dilakukan kerana kekuatan hidup beragama sudah tidak ada lagi di kalangan masyarakat.

:

### Hukuman Ta'zir Dengan Pendedahan Kesalahan Di Khalayak Ramai

Hukuman ini telah dipersetujui oleh semua mazhab dalam Islam. Tujuan dikenakan hukuman ini ialah untuk menarik perhatian umum bahawa pesalah itu tidak patut dipercayai lagi. Pada kebiasaannya hukuman ini membabitkan kesalahan tentang amanah pesalah seperti saksi palsu dan penipu.

Pada masa dahulu, seorang pesalah akan diarak di pasar dan diisytiharkan kesalahannya. Tetapi pada masa kini, ekoran perkembangan pesat media penyampaian awam, ia boleh dilakukan dengan mencetak keputusan mahkamah di dalam surat khabar, menyiarkannya menerusi radio, TV, internet dan sebagainya.<sup>71</sup>

### **Hukuman Ta'zir Dengan Nasihat Dan Teguran**

Hukuman ini adalah yang paling ringan berbanding dengan hukuman ta'zir yang lain. Teguran bermakna mengingatkan seseorang yang melanggar undang-undang kalau ia terlupa dan mengajarnya kalau dia jahil bahawa dia telah melakukan kesalahan di sisi undang-undang. Hukuman ini telah digariskan dalam surah al-Nur ayat 34 sebagai hukuman peringkat permulaan bagi isteri yang derhaka terhadap suami.

Pada kebiasaannya hukuman ini dihadkan kepada orang yang melakukan kesalahan kecil buat kali pertama, asalkan hakim berpandangan bahawa sudah cukup dengan cara ini dapat menghalangnya dari berterusan melakukan kesalahan.<sup>72</sup>

### **Pelaksanaan Hukuman Ta'zir Di Malaysia**

Bahagian ini akan membincangkan tentang dua aspek yang berkaitan dengan ta'zir iaitu kesalahan dan hukumannya di Malaysia. Penulis akan melihat dari sudut pelaksanaannya di Mahkamah Syariah berdasarkan enakmen jenayah Syariah negeri-negeri dan undang-undang Persekutuan melalui Kanun Keseksaan.

Enakmen menyenaraikan pelbagai kesalahan syariah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Secara umum kesalahan tersebut boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Kesalahan suami isteri seperti menganiaya isteri dan tidak taat kepada suami.
2. Kesalahan berhubung dengan seks seperti persetubuhan haram, khalwat, sumbang dan melacur.
3. Kesalahan berhubung dengan minuman keras seperti meminum, menjual dan membeli.
4. Kesalahan dari aspek keimanan seperti tidak melaporkan dan mendaftar masuk atau keluar daripada agama Islam dan kesalahan yang berhubung dengan pengambilan anak angkat.
5. Pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas.<sup>73</sup>

Dari senarai tadi jelas kelihatan bahawa semua kesalahan yang disenaraikan kecuali berzina dan meminum minuman keras adalah di bawah kategori kesalahan ta'zir. Namun dari segi pelaksanaan hukumannya, kalau diteliti dalam peruntukan yang telah dibuat iaitu melalui Akta Mahkamah Syariah (Perundangan Jenayah) 1965 yang telah dipinda pada tahun 1984, hanya setakat menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun atau denda sehingga lima ribu ringgit atau sebat enam kali atau gabungan mana-mana hukuman tersebut. Peruntukan ini tidak tepat menurut hukuman ta'zir dalam Islam seperti mana yang telah penulis bincangkan. Jika dilihat bentuk-bentuk hukuman ta'zir dalam perundangan Islam yang boleh dikenakan adalah pelbagai dan berdasarkan keseriusan kesalahan dan diri pesalah.

Keterbatasan Mahkamah Syariah mengenakan tiga bentuk hukuman ta'zir sahaja ialah kerana beberapa sebab antaranya ialah:

*1) Perlembagaan Persekutuan*

Antara peruntukan undang-undang yang berkaitan ialah:

- i. Per.4 (1) menyatakan: "Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu".
- ii. Jadual ke 9 Senarai Negeri Butiran 1 menyatakan tentang kuasa Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman: ".....tetapi tidak mempunyai bidang kuasa kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan"
- iii. Jadual ke 9 Senarai Persekutuan Butiran 4 menyatakan "Undang-undang dan Acara Sivil dan Jenayah dan pentadbiran keadilan".

Kesimpulan yang dapat diambil dari Per.4 (1) tadi ialah sebarang penggubalan undang-undang termasuk undang-undang ta'zir oleh kerajaan negeri akan terbatal sekiranya bercanggah dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Jelas dapat dilihat bahawa ketinggian Perlembagaan Persekutuan mengatasi ketinggian Al-Quran dan As-Sunnah. Sementara peruntukan Jadual ke 9 Senarai Negeri Butiran 1, menyatakan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman menurut Al-Quran dan As-Sunnah kecuali yang diberikan oleh Undang-undang Persekutuan kerana ianya dikawal oleh Parlimen. Undang-undang Persekutuan yang memberikan kuasa menghukum kepada

Mahkamah Syariah ialah Akta Mahkamah Syariah.<sup>74</sup> Di dalam Jadual ke 9 Senarai Persekutuan Butiran 4 di atas pula dengan jelas menghad dan menyempitkan kuasa Badan Perundangan Negeri dalam mengadakan kesalahan-kesalahan dan hukuman yang sesuai menurut Islam jika kesalahan dan hukuman tersebut telah termasuk di dalam senarai Persekutuan atau yang di selenggara di bawah Undang-undang Persekutuan.

## 2) *Akta Parlimen.*

Akta yang dimaksudkan ialah Akta Mahkamah Syariah (Perundangan Jenayah) 1965. Akta tersebut telah menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenai kesalahan-kesalahan di negara ini dan menentukan hukuman yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM1000 atau kedua-duanya. Akta ini telah dipinda pada tahun 1984 dan memperuntukkan hukuman maksimum kepada Mahkamah Syariah iaitu tiga tahun penjara atau denda tidak lebih RM5000 atau sebat tidak melebihi enam kali atau gabungan hukuman itu.<sup>75</sup>

Setelah penulis menyebut tentang kandungan enakmen jenayah syariah negeri, sukacita penulis membincangkan tentang undang-undang jenayah yang berkaitan dengan ta'zir di peringkat persekutuan. Di Malaysia undang-undang jenayah terdapat dalam Kanun Keseksaan (Penal Code) dan undang-undang lain yang diluluskan oleh Parlimen seperti undang-undang kastam, hasil pendapatan, pilihan raya dan lain-lain lagi. Setiap akta itu mengandungi hukuman bagi kesalahan jenayah tertentu kepada sesiapa yang enggan menurut atau melanggar undang-undang tersebut. Oleh kerana kesalahan-kesalahan jenayah di dalam Kanun Keseksaan yang paling banyak dilakukan orang.<sup>76</sup> Maka penulis hanya akan menyentuh tentang kesalahan ta'zir di dalam Kanun Keseksaan sahaja.

Kalau dilihat dengan teliti, jelas kelihatan bahawa kesalahan yang boleh dikenakan hukuman ta'zir telah diperuntukkan dengan banyaknya di dalam Kanun Keseksaan. Antara kesalahan itu ialah memberi keterangan palsu dan kesalahan terhadap keadilan awam (bab: xi), kesalahan berkenaan dengan setem kerajaan dan duit (bab: xii), kesalahan berkenaan akta penimbang dan sukatan (bab: xiii), kesalahan berkenaan kesihatan, keselamatan, kemudahan, kesopanan dan akhlak awam (bab: iv) dll.

Walaupun kesalahan ta'zir telah diperuntukkan di dalam undang-undang jenayah Malaysia, namun dari segi perlaksanaan hukumannya, masih belum menepati pelaksanaan ta'zir Islam yang sebenarnya. Kebanyakan hukuman di dalam Kanun Keseksaan sama seperti di dalam enakmen jenayah syariah negeri telah dihadkan maksimum. Contoh seksyen 293 menjual dan

sebagainya benda-benda lucuh kepada orang muda hanya boleh dihukum dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun sahaja. Sekiranya dalam tempoh lima tahun tersebut pesalah itu tidak insaf dan bertaubat, ia tetap akan dibebaskan. Ini berbeza dengan Islam yang akan melihat kepada keseriusan jenayah dan diri pesalah. Sekiranya pesalah itu telah terbukti banyak merosakkan akhlak dan menjerumuskan orang muda ke lembah maksiat maka hukuman ta'zir yang berat akan dikenakan, kemungkinan penjara yang lebih lama lagi atau yang paling berkesan pesalah boleh dikenakan sebat.

Di dalam Kanun Prosedur Jenayah seksyen 288 menyebut tentang had maksimum bagi hukuman sebat hanya 24 sebatan sahaja. Peruntukan seumpama ini tidak tepat dengan kehendak ta'zir dalam Islam. Jumlah sebatan dalam kes ta'zir tidak ditetapkan had maksimumnya, malah ia berdasarkan pertimbangan hakim untuk memberi keinsafan dan kesedaran kepada pesalah yang terlibat.

Untuk menjadikan pelaksanaan hukuman ta'zir menepati kehendak Islam, maka peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Parlimen yang berkaitan hendaklah dipinda yang mana perlu dipinda dan yang mana perlu dimansuhkan hendaklah dimansuhkan. Peruntukan undang-undang yang penting dan perlu digubal semula supaya selaras dengan kehendak Islam ialah perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan dengan kata-kata: "Undang-undang Islam ialah undang-undang utama negara, mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Islam hendaklah terbatal dan dianggap tidak sah setakat mana ia bertentangan itu".<sup>77</sup>

Dengan menjadikan peruntukan undang-undang Islam sebagai undang-undang utama Malaysia, maka semua peruntukan-peruntukan yang lain di dalam Perlembagaan Persekutuan yang bertentangan dengan undang-undang Islam mestilah dipinda atau diselaraskan dengan undang-undang Islam. Begitu juga dengan semua Akta-akta dan Kanun serta enakmen yang telah diluluskan yang bertentangan dengan undang-undang Islam mestilah dipinda dan disesuaikan dengan undang-undang Islam.

## NOTA Hujung

- <sup>1</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, *Dar Ihya' al-Turath al-Arabi*, jld. 9, hlm. 183; Al-Jauhari, *Al-Shibab*, Beirut, Dar al-Ilmi, jld. 2, hlm. 744; al-Zubaidi, *Taj al-Arus Syarh al-Kamus*, Beirut, Dar Maktabah al-Hayat, jld. 3, hlm. 394.
- <sup>2</sup> Amir, *al-Ta'zir Fi al-Shariat al-Islamiyah*, Dar al-Fikri al-Arabi, 1976, hlm. 52.
- <sup>3</sup> Al-Fadhilat, *Suqut al-Uqubut Fi al-Fiqh al-Islami*, 'Aman, Dar Ummar, 1987, jld. 4, hlm. 147.
- <sup>4</sup> Amir, Op.Cit, hlm. 83.
- <sup>5</sup> Al-Qi'ai, *Nazrat al-Quran Ila al-Jarimah Wa al-Iqab*, Kaherah, Dar al-Manar, 1988, hlm. 209.
- <sup>6</sup> Amir, Op.Cit, hlm. 85; 'Udah, *al-Tasree' al-Jinai al-Islami*, Beirut, Muassah al-Risalah, 1989, jld. 1, hlm. 155.
- <sup>7</sup> Ibid, hlm. 87, jld. 1, hlm. 156.
- <sup>8</sup> Ibid hlm. 88; jld. 1, hlm.150.
- <sup>9</sup> Ibid.
- <sup>10</sup> 'Udah, Op.Cit, jld. 1 hlm.151.
- <sup>11</sup> Ibid, jld. 1 hlm. 132-133.
- <sup>12</sup> Amir, Op.Cit, hlm. 57.
- <sup>13</sup> Ibid hlm. 57-58
- <sup>14</sup> Ibid.
- <sup>15</sup> Al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuh*, Damsyik, Dar al-Fikri 1989, jld. 6, hlm. 289.
- <sup>16</sup> Abu Zahrah, *Al-Uqubah*, *Dar al-Fikri al-Arabi*, hlm. 70, Al-Ahwal, *Uqubah al-sariq*, Riyadh, Dar al-Huda, 1984, hlm. 32.
- <sup>17</sup> 'Udah, Op.Cit, jld. 7, hlm. 687.
- <sup>18</sup> Ibn Nujaym, *Al-Bahr al-Raiq*, jld. 5 hlm. 445, Ibn Farhun, *Tabsirah al-Hukkam*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, jld. 2, hlm. 205, al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, Mesir, Matbaah Mustafa al-Baby, jld. 4 hlm. 191, al-Bahuti, *Kayashaf al-Qinna'i*, Dar al-Fikri, jld.6 hlm. 121, Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Kaherah, Hajr Li al-Tibaah, jld. 12, hlm. 536.
- <sup>19</sup> Ibn Abidin, *Hayyah Rad al-Mukhtar*, Dar al-Fikri, jld. 4 hlm. 62-63, Ibn Farhun, Op.Cit jld. 2 hlm. 206, Ibn Taymiyyah, *al-Siyasah al-Shariyyah Fi Islah al-Ra'i wa al-Raiyyah*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1988, hlm. 103.
- <sup>20</sup> *Majallah Al-Majma' al-Fiqh al-Islami*, Thn 2, Bilangan 4 hlm. 495
- <sup>21</sup> Al-Nawawi, *Shahih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*, Dar al-Rayyan Li al-Turath, 1987, jld. 12 hlm. 231-242
- <sup>22</sup> Al-Nisa' 4: 34.
- <sup>23</sup> Al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*, al-Maktabah, al-Salafiah, jld. 12, hlm. 175-176. Muslim, *Shahih Muslim*, Cetakan Diedit oleh Muhammad Fuad Abd al-Baqi, 1400h, jld. 3, hlm. 1332-1333.
- <sup>24</sup> Ibn Shaibah, *Musanif Ibn Abi Shaibah*, Bombay, Dar al-Salafiah, jld. 10, hlm. 36.
- <sup>25</sup> Al-Shirbini, Op.Cit, jld. 4, hlm. 191, Zakaria al-Ansari, *Atna al-Matalib*, al-Maktabah, al-Saadah, 1322h, jld. 2, hlm. 162.
- <sup>26</sup> Ibn Farhun, Op.Cit 2/205, Malik, *al-Mudawanah al-Kubra*, Kaherah, al-Saadah, 1322h, jld. 2, hlm. 319.
- <sup>27</sup> Ibn Taymiyyah, Op.Cit hlm. 102, Ibn Qudamah, Op.Cit hlm. 525.
- <sup>28</sup> Ibn Fahun, Op.Cit jld. 2 hlm. 204.
- <sup>29</sup> Ibn Abidin, Op.Cit jld 4, hlm. 60, al-Syarkhasi, *al-Mahsut*, Beirut, Darul-Ma'rifat, jld. 9 hlm. 71, al-Nawawi, *Raudah al-Talibin*, Beirut, Dar al-Kutubal-Ilmiyah, jld. 7 hlm. 382, Ibn Qudamah Op.Cit jld. 12 hlm. 524.
- <sup>30</sup> Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Dar al-Fikr, jld 8, hlm. 327.
- <sup>31</sup> Ibn Abidin, Op.Cit jld. 4 hlm. 60, al-Syarkhasi, Op.Cit jld. 9, hlm. 71.
- <sup>32</sup> Ibid.
- <sup>33</sup> Al-Nawawi, Op.Cit jld 7 hlm. 382, al-Sharbini, Op.Cit, jld. 4, hlm. 193.
- <sup>34</sup> Lihat nombor 23.
- <sup>35</sup> Al-Nawawi, Op.Cit jld 7, hlm. 382, al-Sharbini, Op.Cit, jld. 4, hlm. 193, Ibn Qudamah, Op.Cit, jld. 12, hlm. 525, Ibn Qayyim, *al-Turuq*, al-Hukmiyyah, Maktabah, al-Muayyad, hlm. 94.
- <sup>36</sup> Al-Tirmizi, *Sunan*, *al-Tirmizi*, Beirut, Dar Ihya alTurath, al-Arabi, jld. 4, hlm. 157

- <sup>37</sup> Abd al-Razzaq, *Musannaf Abd al-Razzaq*, al-Majlis al-Ilmi, jld. 7 hlm. 358, Ibn Abi Syaibah, *Musannaf*, Ibn Abi Syaibah, Bombay, Dar al-Salafiah, jld. 10, hlm. 9.
- <sup>38</sup> Ibn Qudamah, *Op.Cit* jld. 12. hlm. 525.
- <sup>39</sup> Lihat nombor 23.
- <sup>40</sup> Surah al-Baqarah 2: 187 dan 229.
- <sup>41</sup> Ibn Farhun, *Op.Cit*, jld. 2 hlm. 205, Ibn Taymiyyah, *Op.Cit*, hlm. 104, Ibn Hajar. *Fathul-Bari*, Kaherah, Dar al-Rayanli al-Turath, 1988, jld. 12, hlm. 185.
- <sup>42</sup> Uda, *Op.Cit*, jld. 1. hlm. 693.
- <sup>43</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Beirut, al-Taba'ah, al-Nasyr, t.t, jld. 17, hlm. .65.
- <sup>44</sup> Ibn Qayyim, *Op.Cit*, hlm. 98; Ibn Farhun, *Op.Cit*, jld. 2, hlm. 209.
- <sup>45</sup> Surah al-Nisa, ayat: 15.
- <sup>46</sup> Abd al-Razzaq, *Op.Cit*, jld. 8. hlm. 306, al-Baihaqi. *Op.Cit*, jld. 8. hlm. 53
- <sup>47</sup> Ibn Qayyim, *Op.Cit*, hlm. 90; Ibn Hajar, *Op.Cit*, jld. 5. hlm. 72; Al-Waili, *Ahkam al-Sajun*. Beirut, Dar al-Kutub, 1987, hlm. 123.
- <sup>48</sup> Ibn Abidin, *Op.Cit*, jld. 4, hlm. 76. Ibn Farhun, *Op.Cit*, jld. 6, hlm. 126.
- <sup>49</sup> Sharbini, *Op.Cit*, jld. 4, hlm. 192, Zakaria al-Ansari, *Op.Cit*, jld. 4, hlm. 162
- <sup>50</sup> Lihat no. 30.
- <sup>51</sup> Ibn Abidin, *Op. Cit* jld. 4 hlm. 61; al-Zarqani, *Syarb al-Zarqani Ala Mukhtasar Khalil*, Dar al-Fikri, jld. 8 hlm. 115, Al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, Mesir, Matbaah Mustafa al-Baby, jld. 7 hlm. 73, Ibn Qudamah, *Op.Cit*, jld.12. hlm. 526.
- <sup>52</sup> Surah al-Nisa, ayat: 29.
- <sup>53</sup> Al-Bukhari, *Op.Cit*, jld. 1 hlm.24.
- <sup>54</sup> Al-Zarqani, *Op.Cit*, jld. 7 hlm.115.
- <sup>55</sup> Ibu Abidin, *Op.Cit*, jld. 4 hlm. 61; Ibn Farhun, *Op.Cit*, jld. 2 hlm. 1203; Ibn al-Akhwah, *Maalim al-Qarabah Fi ahkam al-Hisbah*, al-Haiyah al-Misriah al-Arnah Li al-Kitab, 1976, hlm. 387-389; Ibu Taymiyyah, *al-Hisbah Fi al-Islam*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1992, hlm. 51, Ibn Qayyim, *Op.Cit*, hlm. 224.
- <sup>56</sup> Ibn Hajar, *Op.Cit*, jld. 6 hlm. 46.
- <sup>57</sup> Al-Bukhari, *Op.Cit*, jld. 2 hlm. 148.
- <sup>58</sup> Ahmad, *Murnad Ahmad*, Mesir, Dar al-Ma'rif, jld. 1. hlm. 54.
- <sup>59</sup> Ibn Qayyim, *Op.Cit*, hlm. 226.
- <sup>60</sup> Ibn Nujaim, *Op.Cit*, jld.5 hlm. 44.
- <sup>61</sup> Muslim, *Op.Cit*, jld. 11. hlm. 132.
- <sup>62</sup> Uda, *Op.Cit*, jld. 1 hlm. 699.
- <sup>63</sup> Al-Bukhari, *Op.Cit*, jld. 12 hlm. 165; Abu Daud, *Op.Cit*, jld. 5 hlm. 224.
- <sup>64</sup> Ibn Taymiyyah, *Op.Cit*, hlm. 47.
- <sup>65</sup> Ibn Abidin, *Op.Cit*, jld. 4 hlm. 60, Ibn Farhun, *Op.Cit*, jld. 2. hlm. 204.
- <sup>66</sup> Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyah*, Beirut, Dar al-Kitab al-Arabi, 1990, hlm. 386, Al-Ramli, *Op.Cit*, jld. 8 hlm. 22.
- <sup>67</sup> Lihat no. 30.
- <sup>68</sup> Surah al-Nisa ayat 34.
- <sup>69</sup> Surah al-Taubah ayat 118.
- <sup>70</sup> Abd al-Razzaq, *Op.Cit*, jld. 11 hlm. 426.
- <sup>71</sup> Uda, *Op.Cit*, jld. 1 hlm. 704; Amir, *Op. Cit*, hlm. 458-459.
- <sup>72</sup> Ibid, jld. 1 hlm. 702, hlm. 439.
- <sup>73</sup> Mahmud Saedon, *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 240.
- <sup>74</sup> Ibid, hlm. 231.
- <sup>75</sup> Mingguan Malaysia Ruangan dalam negeri 28 April 2002, hlm. 13
- <sup>76</sup> Mohd Salleh Abas, *Mengenal Undang-undang*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 30.
- <sup>77</sup> Ahmad Ibrahim, *Undang-undang Malaysia Kini*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990